

PROGRAM JELAJAH 64 TAHUN KEMERDEKAAN

Borak Warisan

Seni Bina Malaysia: Sebelum Dan Pasca Merdeka



Jabatan Warisan Negara
(Department of National Heritage)
August 25 at 10:00 AM · 🌐

BORAK WARISAN EDISI MERDEKA
PROGRAM JELAJAH WARISAN 64 TAHUN
KEMERDEKAAN
BORAK WARISAN
"SENI BINA MALAYSIA: ...
See More

👍❤️ 87 52 Comments 918 Views

👍 Like 💬 Comment ➦ Share 🗨️

Up Next

██████████ WEBINAR WARISAN ...
TIDAK KETAPA SILE

Comments See All

🗨️ Write a comment... 🗨️ 🧐 📷 🗑️



Jabatan Warisan Negara
(Department of National Heritage)
August 25 at 10:00 AM · 🌐

BORAK WARISAN EDISI MERDEKA
PROGRAM JELAJAH WARISAN 64 TAHUN
KEMERDEKAAN
BORAK WARISAN
"SENI BINA MALAYSIA: ...
See More

👍❤️ 87 52 Comments 918 Views

👍 Like 💬 Comment ➦ Share 🗨️

Up Next

██████████ WEBINAR WARISAN ...
TIDAK KETAPA SILE

Comments See All

🗨️ Write a comment... 🗨️ 🧐 📷 🗑️



Seni bina di Malaysia telah melalui jalur evolusi yang panjang, dinamik dan amat menarik. Tapak pra sejarah di Lembah Lenggong, tapak ritual di Sungai Batu, Rumah Penghulu Abdul Ghani di Merlimau, deretan rumah kedai tradisional cina di Melaka dan Pulau Pinang, Bangunan Sultan Abdul Samad sehingga KLCC di tengah Bandaraya Kuala Lumpur merupakan antara entiti yang memaparkan sisi istimewa seni bina di Malaysia. Adunan seni bina Melayu, Eropah, China, India dan islam telah menyumbang kepada pembentukan identiti seni bina yang tersendiri sehingga menyebar luas ke Negeri-Negeri Melayu dan Negeri-Negeri Selat pada periode tersebut.

Sehubungan dengan itu, sempena Program Jelajah 64 Tahun Kemerdekaan, Jabatan Warisan Negara (JWN) telah menganjurkan satu program bual bicara secara atas talian iaitu Borak Warisan yang diadakan pada 25 Ogos 2021. Moderator bagi program ini ialah Kurator Kanan di Bahagian Daftar Warisan, JWN iaitu Puan Rokiah binti Abdul Samat dengan panelis jemputan yang merupakan Ahli Jawatankuasa Pakar Warisan Seni Bina dan Landskap, JWN iaitu Ar. Ahmad Najib bin Dato' Ariffin dan Ar. Mohd Zulhemlee bin An.

Program yang mengetengahkan perbincangan yang bertajuk Seni Bina Malaysia: Sebelum Dan Pasca Merdeka telah membawa penonton menelusuri perubahan seni bina di Malaysia dan faktor-faktor yang mempengaruhinya dari era kolonialisasi sehingga negara mencapai kemerdekaannya pada 31 Ogos 1957. Selain itu, isu berkaitan gaya dan rupa seni bina kebangsaan dari segi idea, karekteristik, gerakan pengembangan dan juga inisiatif dari pihak kerajaan dalam memastikan kelangsungannya juga menjadi antara topik yang dibincangkan.

Semoga program bual bicara berbentuk sedemikian berupaya untuk memberikan pendedahan serta pemahaman dalam mendidik massa mengenai rupa dan gaya seni bina di Malaysia serta dapat membudayakan perkongsian ilmu berkaitan warisan budaya selaras dengan *tag line* Jabatan Warisan Negara iaitu "*kenali, sayangi dan lestari warisan kita*".